

Malaysia bertukar wajah dalam usianya 24 tahun

PADA 31 Ogos 1957 lahirlah sebuah negara kecil yang ekonominya tertumpu kepada hasil eksport bahan-bahan mentah seperti bijih timah, getah dan lada hitam.

Tetapi hari ini, setelah 24 tahun mencapai kemerdekaan, suasana ekonomi tradisi hasil peninggalan penjajah telah berubah corak kepada corak yang tidak pernah dimimpi oleh penjajah.

Malaysia bukan lagi sebuah negara yang bergantung kepada pengeluaran bahan mentah, tetapi menumpukan perhatian kepada bidang-bidang lain termasuk perkilangan dan pengeluaran.

Ini dapat dibuktikan dengan ditinjau dari Pendapatan Kasar Negara tahun 1958 — hanya memperoleh \$6,000 juta berbanding dengan \$20,500 juta pada tahun 1975. Kadar ini terus meningkat kira-kira lapan peratus sehingga tahun 1980.

Dalam masa 10 tahun merdeka, pengeluaran sebenar negara berkembang lima peratus setahun dan dalam masa Rancangan Malaysia Pertama ia berkembang enam peratus setahun manakala dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-75) ia berkembang pada kadar tujuh peratus

setahun.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) perkembangan ekonomi negara ditingkatkan sehingga lapan peratus meskipun keadaan ekonomi dunia kurang memuaskan.

Pada tahun 1960, Malaysia mengetuai negara pengeksporth bijih timah dan getah tetapi kini negara ini telah mempelbagaikan eksportnya kepada kayu balak, minyak kelapa sawit, petroleum dan barang perkilangan.

Pada tahun 1980 eksport kasar negara telah bertambah sebanyak \$28,140 berbanding dengan \$17 peratus pada tahun 1979.

Bertambah

Berbanding dengan tahun 1960-an, pada tahun 1980 jumlah eksport galian telah mencatatkan perkembangan yang paling pesat diikuti eksport barang-barang perkilangan.

Eksport petroleum dan bahan perkilangan merupakan satu kejayaan besar kepada Malaysia. Pada tahun 1980, Malaysia telah menerima hasil eksport bahan petroleum sebanyak \$6,846 juta dan bahan perkilangan pula

sebanyak \$5,935 juta.

Seperti yang disebut di atas, Malaysia juga berjaya menurunkan kadar terlalu bergantung kepada getah dan bijih timah. Hasil eksport getah hanya \$4,667 juta iaitu 16.6 peratus berbanding 23 peratus dalam tahun 1960-an dulu.

Eksport kasar barang-barang perkilangan juga terus meningkat pada tahun 1980 iaitu sebanyak \$5,935 juta.

Stabil

Memahdangkan prestasi yang dicapai, sudah tentulah perkembangan ekonomi negara ini terus berkembang dengan pesat dengan adanya matalamat-matalamat murni Kerajaan seperti yang tercatat dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Meskipun ekonomi Malaysia agak merosot pada tahun 1980 berbanding 1979, tetapi dalam tahun 1981 ini mengikut laporan Bank Negara, ekonomi Malaysia akan terus kukuh dengan harga yang stabil.

Disebabkan keadaan ekonomi Malaysia terus berkembang dengan wujudnya beberapa sektor baru seperti perkilangan dan bahan-bahan petroleum, maka jumlah simpanan negara



terus bertambah sebanyak \$1,400 juta pada tahun 1960 kepada \$10,304 juta pada akhir 1980.

Dan pendapatan per kapita negara terus meningkat dari kira-kira \$800 sebulan ketika mencapai kemerdekaan kepada \$3,649 dalam tahun 1980.

Tidak dapat dinafikan sejak mencapai kemerdekaan 24 tahun

lalu, kegiatan ekonomi negara telah dapat dikembangkan dengan begitu pesat.

Di samping dapat mempelbagaikan sumber pendapatan negara, Malaysia juga dapat menemui galian-galian baru seperti petroleum yang merupakan salah satu sumber pendapatan negara yang terbesar sekarang ini.

Memandang kan kecepatan ekonomi ini, negara ini telah menjadi tumpuan kepada pelabur-pelabur asing.

Rintangan

Beberapa buah negara, terutama Jepun, Amerika Syarikat, Jerman dan Singapura telah memberi perhatian pelaburan di negara ini.

Bagaimanapun, mengikut laporan Bank Negara ekonomi negara ini akan menempuh berbagai rintangan dalam tahun ini.

Kejayaan menyekat tekanan ini akan menentukan prospek peralihan bagi mengukuhkan perkembangan ekonomi negara.

Dua faktor akan muncul yang menjadikan ketegangan ekonomi iaitu kelembaban peningkatan ekonomi antarabangsa dan juga inflasi. Selain itu tekanan juga diperolehi dari peningkatan ekonomi dalam negeri, kenaikan harga tenaga dan buruh serta kenaikan bahan import.

Bagaimanapun, ia akan ditentukan juga dengan dasar penentangan terhadap masalah tersebut iaitu mengawal inflasi, menggalakkan tabung dan pelaburan.

Berlandaskan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan maka sudah tentu masalah tersebut akan diatasi.

Di samping dapat memastikan pencapaian ekonomi yang mantap dalam negeri, Kerajaan juga telah berjaya mengimbangkan keadaan antara golongan yang berada dan tidak berada.

Setelah 10 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, Kerajaan telah berjaya serba sedikit mengatasi masalah perbezaan kaum di negara ini, terutama kaum Bumiputera.


Meskipun kini 11 peratus sahaja jumlah ekonomi negara dimiliki oleh kaum Bumiputera, ia tidak semestinya akan mengagalkan usaha Kerajaan untuk mencapai matalamati baru ekonomi negara iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus ekonomi negara dimiliki oleh kaum Bumiputera pada tahun 1990.

Kerajaan baru di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam sudah tentu mempunyai cara untuk menyelesaikan masalah ekonomi yang kompleks antara kaum ini.

Program-program dan dasar ekonomi yang mantap yang akan dilaksanakan sudah tentu akan menjamin perkembangan ekonomi negara dalam tahun 1980-an ini.

Selain dari itu, kestabilan politik juga menjadi faktor penting dalam memantapkan ekonomi yang kompleks antara kaum ini.

Maka 31 Ogos 1981 merupakan era baru dalam pemerintahan Malaysia dengan menyoalakan seorang Perdana Menteri baru bakal menjamin kemakmuran dan kesejahteraan negara di masa akan datang.



MEGAH mengarak bendera Malaysia